

## Efikasi Kendiri Guru dan Hubungannya dengan Pembangunan Inovasi di Sekolah Rendah

### *(Teacher Self-Efficacy and Its Relationship with The Development of Innovation in Primary Schools)*

Siti Nuramirah Rozi<sup>1\*</sup>, Aida Hanim A.Hamid<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.  
Email: mirarozzi21@gmail.com

<sup>2</sup>Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.  
Email: aidahanim@ukm.edu.my

#### CORRESPONDING

#### AUTHOR (\*):

Siti Nuramirah Rozi  
(mirarozzi21@gmail.com)

#### KATA KUNCI:

Efikasi sendiri  
Efikasi Guru  
Pembangunan Inovasi

#### KEYWORDS:

Self-Efficacy  
Teacher's Efficacy  
The Development of Innovation

#### CITATION:

Siti Nuramirah Rozi & Aida Hanim A.Hamid.  
(2025). Efikasi Kendiri Guru dan  
Hubungannya dengan Pembangunan Inovasi  
di Sekolah Rendah. *Malaysian Journal of  
Social Sciences and Humanities (MJSSH)*,  
10(9), e002508.  
<https://doi.org/10.47405/mjssh.v10i9.2508>

#### ABSTRAK

Kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti hubungan antara efikasi kendiri guru dengan pembangunan inovasi di sekolah rendah. Instrumen utama kajian berbentuk soal selidik yang diedarkan kepada 242 orang guru sekolah rendah di daerah Jelevu, dipilih melalui kaedah persampelan rawak mudah. Data yang dikumpulkan dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences (SPSS)* melalui analisis deskriptif dan inferens bagi mendapatkan gambaran yang lebih menyeluruh. Hasil analisis menunjukkan bahawa tahap efikasi kendiri guru di Jelevu berada pada tahap tinggi, terutamanya dari aspek pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran, manakala tahap efikasi kendiri guru terhadap pembangunan inovasi berada pada tahap sederhana. Dapatan ini turut membuktikan wujud hubungan yang signifikan antara efikasi kendiri guru dengan pembangunan inovasi di sekolah, menandakan bahawa keyakinan dan motivasi guru memainkan peranan penting dalam usaha membudayakan inovasi. Kajian ini diharap dapat menjadi rujukan serta panduan berguna kepada pihak berkepentingan termasuk Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk menambah baik sistem pendidikan negara serta memperkukuh profesionalisme guru.

#### ABSTRACT

This study aims to examine the relationship between teachers' self-efficacy and the development of innovation in primary schools. The main instrument employed was a questionnaire distributed to 242 primary school teachers in the Jelevu district, selected through simple random sampling. Data collected were analyzed using the Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) through both descriptive and inferential analyses to provide a comprehensive understanding of the findings. The results revealed that teachers' self-efficacy in Jelevu was generally at a high level, particularly in the implementation of

teaching and learning practices, whereas their self-efficacy towards innovation development was at a moderate level. The findings also confirmed a significant relationship between teachers' self-efficacy and innovation development in schools, suggesting that teachers' confidence and motivation play an important role in fostering innovation. This study is expected to serve as a useful reference and guidance for stakeholders, particularly the Ministry of Education Malaysia (MOE), in efforts to improve the national education system and strengthen teacher professionalism.

**Sumbangan/Keaslian:** Kajian ini menyumbang analisis logik tentang efikasi sendiri guru sekolah rendah di Malaysia dengan memberi tumpuan kepada daerah Jelebu. Sumbangan utama kajian ini ialah menyoroti keperluan latihan dan sokongan profesional untuk meningkatkan keyakinan guru dalam melaksanakan pembangunan inovasi di sekolah.

## 1. Pengenalan

Pembangunan pendidikan sesebuah negara bergantung kepada sistem pendidikan yang dibentuk serta modal insan yang dihasilkan. Sistem pendidikan yang dihasilkan tidak berada dalam keadaan yang statik kerana dunia global pada hari ini menuntut perubahan dan inovasi mengikut keperluan persekitaran pendidikan (Stephan et al, 2019). Keperluan sumber tenaga manusia di seluruh dunia berubah mengikut peredaran masa. Justeru, setiap individu mahupun organisasi harus bergerak seiring melalui kepelbagaian inovasi agar tidak ketinggalan. Kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan hari ini telah berubah secara pesat berikutan perkembangan teknologi, globalisasi dan perubahan generasi (Zhao, 2021).

Kebanyakan negara di seluruh dunia telah bertindak dan sedar akan kepentingan inovasi di dalam sistem pendidikan dan impaknya terhadap keseluruhan sistem namun ia bukanlah suatu proses yang mudah (Mohammed & Mohd E. @ Ewan, 2021). Kemunculan wabak Novel Coronavirus (2019-nCoV) atau COVID-19 telah mencetuskan keperluan mendesak terhadap pelaksanaan inovasi dalam bidang pendidikan, menjadikannya satu komponen penting bagi memastikan kelangsungan proses pembelajaran. Hal ini adalah kerana ia telah memberi kesan yang hebat kepada sistem pendidikan seluruh dunia. Antaranya, Australia telah melaksanakan pelbagai inovasi di dalam bidang pendidikannya dalam mereformasi pendidikan guru yang melibatkan guru baharu ke arah inovatif semasa pandemik melanda (Ellis et al, 2020). Malaysia juga tidak ketinggalan dalam membudayakan inovasi agar sistem pendidikan kekal relevan dalam dunia semasa melalui pendigitalan pendidikan (Ainul Afzan & Ishak, 2021). Transformasi yang berlaku di dalam setiap sistem pendidikan harus diterima oleh warga sekolah khususnya para guru agar perubahan dapat dilaksanakan. Tanpa penglibatan guru di dalam sesebuah organisasi di sekolah, perubahan semasa ataupun pembangunan inovasi yang dikehendaki akan menjadi sesuatu yang mustahil untuk dicapai kerana ia memerlukan komitmen dan efikasi diri yang tinggi. Keberkesanan sesebuah inovasi yang dibangunkan bergantung kepada setiap individu di dalam sesebuah organisasi (Riaz et al, 2018).

Profesion keguruan di Malaysia dibantu dengan pelbagai panduan dan manual agar setiap individu bergerak seiring dengan perubahan semasa. Misalnya, Standard Guru Malaysia (SGM) telah dirangka untuk dijadikan panduan kepada semua guru yang berhadapan dengan cabaran besar dalam memastikan peningkatan diri dari segi kemahiran serta pengetahuan untuk bersaing di peringkat global (Mardzelah, Teoh & Nor Hasimah, 2022). Kualiti guru sememangnya akan memberi impak besar terhadap sesebuah sistem pendidikan untuk kekal relevan kerana sistem tidak boleh bersifat statik sebaliknya lebih dinamik dan sentiasa berubah untuk memenuhi aspirasi dan kehendak seiring dengan keperluan semasa. Perubahan pula tidak akan terjadi secara semulajadi tetapi memerlukan kerjasama daripada pelbagai pihak khususnya para guru kerana guru adalah pemandu utama dan nadi kepada perubahan di dalam sistem pendidikan. Bagi memastikan guru mempunyai kualiti serta kompetensi yang tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memberi galakan kepada semua guru untuk menjadi lebih inovatif (Subramaniam et al., 2022).

Namun begitu, pembangunan inovasi dalam kalangan guru di Malaysia masih kurang kerana kekangan-kekangan seperti motivasi yang rendah, kefahaman terhadap inovasi yang tidak jelas dan pengetahuan yang kurang untuk membangunkan sesuatu inovasi (Wan Ali Akhbar et al., 2022). Pembangunan inovasi adalah usaha dan intervensi yang berkesan dan dapat menyediakan guru baik dari segi pengetahuan, kemahiran mahupun keupayaan untuk lebih cenderung terhadap inovasi sesuai dengan rentak perubahan sistem yang dinamik. Keupayaan guru adalah berbeza kerana ia bergantung kepada setiap individu. Keupayaan seseorang guru dalam menyalurkan pengetahuan serta kemahiran serta menghasilkan inovasi untuk menepati keperluan murid pada hari ini mempunyai kaitan dengan efikasi sendiri guru (Abdul Said Ambotang & Andin, 2020). Efikasi sendiri guru pada asasnya merupakan proses kognitif yang memberi ruang kepada guru menilai tahap motivasi serta kapasiti diri mereka sebelum melaksanakan sesuatu tugas, sekali gus mempengaruhi keberhasilan terhadap pencapaian matlamat Pendidikan (Liang & Tai, 2021).

Efikasi sendiri guru sememangnya mempunyai impak serta kesan yang tinggi terhadap kualiti sistem pendidikan negara kerana guru dengan tahap efikasi diri yang tinggi akan berusaha untuk meningkatkan komitmen mereka dalam usaha menambah baik mutu pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah (Bruun & Evans, 2020). Guru yang mempunyai tahap efikasi sendiri yang tinggi cenderung lebih bersedia menerima pembaharuan dalam sistem pendidikan serta berupaya meneroka ilmu baharu untuk mempelbagaikan kaedah pengajaran dan membangunkan inovasi yang sesuai dengan keperluan murid. Dapatan ini selari dengan Gkontelos et al. (2023) yang menegaskan bahawa efikasi sendiri mempunyai pengaruh signifikan terhadap tingkah laku inovatif guru.

### 1.1. Objektif Kajian

- i. Menenal pasti tahap efikasi sendiri guru sekolah rendah di daerah Jelebu.
- ii. Menentukan tahap efikasi sendiri guru terhadap pembangunan inovasi di sekolah rendah di daerah Jelebu.
- iii. Menganalisis hubungan antara efikasi sendiri guru dengan pembangunan inovasi di sekolah rendah di daerah Jelebu.

## 2. Sorotan Literatur

### 2.1. Efikasi Kendiri dan Efikasi Kendiri Guru

Konsep efikasi sendiri adalah daripada Teori Kognitif Sosial dapat didefinisikan sebagai kepercayaan seseorang individu terhadap keupayaan sedalam dalam melaksanakan sesebuah tugas yang diberi (Bandura, 1977). Efikasi diri merupakan elemen yang penting kerana individu dengan tahap efikasi yang tinggi akan cenderung memiliki tahap motivasi yang lebih kukuh untuk menghadapi pelbagai jangkaan sama ada positif mahupun negatif serta berusaha memperbaiki persekitaran kerja sedia ada (Talsma et al., 2018). Sebaliknya, seseorang yang mempunyai tahap efikasi sendiri yang rendah lebih mudah terdedah kepada sikap yang pesimis seperti kemurungan dan stress.

Efikasi diri difahami akan berupaya mempengaruhi idea, tindakan dan perasaan seseorang individu mengikut keupayaan untuk meramal tingkah laku atau jangkaan sesuatu perkara (Bandura, 2001). Efikasi sendiri juga berkaitan dengan pertimbangan seseorang individu terhadap sesuatu tugas untuk terus bermotivasi dan berfikiran positif dan sentiasa menunjukkan tingkah laku yang baik. Individu yang memiliki tahap efikasi yang tinggi lazimnya lebih cekap dalam melaksanakan tugas serta mampu bekerja dalam tempoh yang panjang berbanding individu dengan tahap efikasi yang rendah (Wood & Bandura, 1989). Penemuan ini disokong oleh kajian empirikal Makki, Salleh dan Harun (2016) yang mendapati efikasi sendiri mempunyai pengaruh positif terhadap pelbagai bentuk pekerjaan, sekali gus menegaskan peranan keyakinan diri sebagai faktor penting dalam menentukan keberkesanan prestasi individu.

Di dalam konteks pendidikan, kompetensi guru seperti kemahiran dan kebolehan adalah tunggak utama dalam pengajaran kerana ia dikatakan sebagai asas untuk guru. Salah satu kualiti yang mustahak adalah efikasi sendiri kerana ia mewakili persepsi sendiri tentang kecekapan seseorang guru sama ada ia lebih baik atau lemah berbanding dengan tahap yang sebenar oleh guru itu sendiri (Wiegerová et al., 2012). Efikasi sendiri guru turut ditafsirkan kepada keyakinan guru ke atas keupayaan mereka sendiri untuk mengendalikan sesuatu perkara yang melibatkan proses pengajaran dan pembelajaran seperti meningkat prestasi pembelajaran murid, kawalan kelas dan menarik minat murid di dalam kelas (Hoang & Wyatt, 2021). Guru dengan tahap efikasi yang tinggi mampu membangunkan hubungan yang dinamik dan positif dengan murid, mahir menangani masalah di dalam bilik darjah, menawarkan lebih komitmen profesional dan membawa perubahan dengan lebih aktif ke dalam amalan pengajaran mereka (Hatlevik & Hatlevi, 2018). Antala, Pružek dan Popluhárová (2022) di dalam kajian mereka menyatakan persepsi efikasi sendiri seseorang guru boleh mempengaruhi sikap mereka terhadap sesuatu perkara. Apabila guru memiliki tahap efikasi sendiri yang tinggi dan mempercayai kompetensi pedagogi diri, mereka lebih berpotensi membangunkan sikap positif terhadap murid serta meningkatkan dedikasi terhadap tugas pengajaran.

Pembangunan profesionalisme berterusan menuntut kesediaan guru untuk menguasai pelbagai kemahiran dan pengetahuan baharu selari dengan perubahan pendidikan semasa. Dalam konteks ini, efikasi sendiri yang tinggi membolehkan guru menerima perubahan secara positif serta lebih terbuka terhadap inovasi pedagogi (Julaihi, Voon, & Tang, 2020). Guru yang komited akan memastikan proses pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan dengan berkesan namun keberkesanan tidak hanya tertumpu kepada proses penyampaian ilmu kerana ia termasuklah sikap dan perasaan guru terhadap tugas mereka. Efikasi sendiri guru juga boleh dikenal pasti melalui beberapa indikator

antaranya kesediaan mereka menerima perubahan, keyakinan mereka terhadap potensi akademik murid, daya ketahanan apabila berhadapan dengan cabaran baru dan mempamerkan kebolehan yang tinggi untuk menguruskan tekanan dengan berkesan (Tschannen-Moran & Hoy, 2001). Justeru, guru yang mempunyai efikasi sendiri di tahap yang tinggi lebih bersedia menerima inovasi serta berperanan sebagai agen perubahan dalam memperkukuh pembangunan sistem pendidikan negara (Aswaniza & Rosadah, 2018).

## 2.2. Inovasi dan Pembangunan Inovasi dalam Pendidikan

Konsep inovasi bukanlah perkara baharu dalam wacana global. Menurut [Organisation for Economic Co-operation and Development \[OECD\] \(2018\)](#), inovasi ditakrifkan sebagai suatu proses atau produk yang terhasil daripada aktiviti tertentu. Secara umum, inovasi boleh difahami sebagai sesuatu yang baharu atau penambahbaikan yang membezakan produk, perkhidmatan, atau proses daripada yang terdahulu. Menurut [Utterback dan Abenathy \(1975\)](#), terdapat tiga fasa yang ditonjolkan dalam literatur iaitu pada fasa pertama, pengenalan masalah dan penjanaan idea, mengumpul sokongan dan yang ketiga idea adalah pelaksanaan idea. Inovasi berkait rapat dengan penambahbaikan sesuatu perkara dan tidak hanya tertumpu kepada idea baru sahaja kerana inovasi yang dihasilkan adalah untuk menyelesaikan masalah sedia ada ([Dees, 2017](#)). Inovasi bukan sahaja melibatkan penciptaan idea baharu, tetapi juga proses membawa masuk idea daripada luar organisasi melalui pendekatan kreatif, yang kemudiannya dihubungkan dengan produk atau proses sedia ada. Inovasi lazimnya bermula dengan pengenalan masalah, diikuti penerimaan idea, dan seterusnya menghasilkan penyelesaian yang relevan ([Kim & Choi, 2022](#)).

Keperluan untuk perubahan di dalam gaya pembelajaran murid dan hasil pembelajaran telah menarik perhatian daripada beberapa pengkaji sebagai satu cara pemikiran dan kelakuan yang baharu. Sesetengah pengkaji merasakan perubahan yang dilaksanakan di dalam bilik darjah akan memberi manfaat kepada proses pengajaran dan pembelajaran ([Mohamad Ridhuan, Mohd Fairuz & Mohd Zulfikri, 2017](#)). Daripada perspektif pendidikan, inovasi mampu membawa perubahan kepada proses pembelajaran dan untuk meningkatkan hasil pembelajaran. Proses inovasi yang berkesan perlu memenuhi keperluan spesifik, bersifat efektif, efisien dan berdaya tahan supaya boleh digunakan secara konsisten dalam konteks pendidikan ([Fidalgo-Blanco, Sein-Echaluce, & García-Peñalvo, 2014](#)).

Pembangunan inovasi dalam bidang pendidikan juga adalah sebuah interaksi yang sinergi dan kreatif di antara penghasilan sesuatu yang baru, proses pelaksanaan dan penambahbaikan yang diperolehi sebagai sebuah hasil di dalam konteks yang khusus seperti hasil pembelajaran ([Van de Velde, 2017](#)). Di samping pemikiran yang kreatif, guru juga harus berfikir secara kritis dalam membanding beza beberapa pengetahuan sedia ada dan mencari perkaitan sama ada persamaan atau perbezaan yang terdapat dalam sesebuah idea yang dihasilkan ([Nursafra, 2017](#)). Kegagalan guru untuk mengenal pasti dan menghubungkan maklumat serta idea secara bermakna boleh mengekang keupayaan mereka berinovasi dalam PdPc. Hal ini sejajar dengan penjelasan [Brandt \(2023\)](#) bahawa pemikiran kreatif memerlukan kebolehan membuat pertalian antara konsep dan mengintegrasikan perspektif daripada pelbagai disiplin. [Masitah et al. \(2013\)](#) turut menyatakan tahap efikasi seseorang guru dapat mempengaruhi tahap kesediaan guru untuk membudayakan inovasi di dalam pendidikan. Keberkesanan penyampaian isi

pelajaran dapat ditingkatkan oleh guru yang mempunyai tahap efikasi sendiri tinggi di samping membudayakan inovasi di dalam pengajarannya (Nurahimah & Rafisah, 2010).

### 3. Metod Kajian

Kajian ini berbentuk kuantitatif dengan menggunakan kaedah tinjauan sebagai pendekatan utama. Reka bentuk ini dipilih kerana bersesuaian dengan objektif, persoalan kajian, saiz populasi serta faktor lain yang telah dipertimbangkan (Ghazali & Sufean, 2016). Dalam reka bentuk tinjauan, proses pengumpulan dan penganalisisan data dijalankan untuk menilai pengaruh sesuatu pemboleh ubah terhadap pemboleh ubah yang lain (Johnson & Christensen, 2000). Justeru, bagi menjawab persoalan kajian serta mencapai objektif yang ditetapkan, reka bentuk kajian kuantitatif berbentuk korelasi telah digunakan.

Populasi kajian terdiri daripada 653 orang guru sekolah rendah di daerah Jelebu, Negeri Sembilan. Saiz sampel kajian ditentukan berdasarkan jadual Krejcie dan Morgan (1970), iaitu seramai 242 orang guru. Pemilihan sampel dibuat menggunakan kaedah persampelan rawak mudah bagi memastikan semua guru mempunyai peluang yang sama untuk dipilih. Taburan responden mengikut jantina dan umur ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1: Analisis Demografi Responden

| Kategori | Demografi          | Kekerapan  | Peratus (%) |
|----------|--------------------|------------|-------------|
| Jantina  | Lelaki             | 43         | 17.8        |
|          | Perempuan          | 199        | 82.2        |
|          | <b>Keseluruhan</b> | <b>242</b> | <b>100%</b> |
| Umur     | Bawah 30 tahun     | 65         | 26.86       |
|          | 31-40 tahun        | 85         | 35.12       |
|          | 41-50 tahun        | 55         | 22.73       |
|          | 51 tahun ke atas   | 37         | 15.29       |
|          | <b>Keseluruhan</b> | <b>242</b> | <b>100%</b> |

Instrumen utama kajian ini ialah borang soal selidik yang digunakan bagi tujuan pengumpulan serta penjanaan data. Secara keseluruhan, instrumen ini terdiri daripada tiga bahagian dengan jumlah 35 item. Bahagian A merangkumi maklumat demografi responden seperti jantina, umur dan pengalaman mengajar. Bahagian B pula mengandungi 15 item yang menilai tahap efikasi sendiri guru di sekolah. Untuk menilai tahap efikasi sendiri guru, soal selidik yang dibina adalah berasaskan soal selidik yang telah dibina oleh Tschannen-Moran dan Hoy (2021) yang memfokuskan kepada model efikasi sendiri guru yang dicadangkan dalam Teacher Sense of Efficacy Scale (TSES). Cocca dan Cocca (2021) menyatakan komponen TSES adalah tunggak utama kepada keupayaan guru bagi mempamerkan kebolehan sebagai pendidik berkualiti tinggi. Bahagian ketiga iaitu bahagian C dengan 17 item memfokuskan kepada tahap efikasi guru terhadap pembangunan inovasi di sekolah. Kedua-dua bahagian soal selidik B dan C menggunakan skala Likert lima mata bermula dari skala 1 (sangat tidak setuju) hingga skala 5 (sangat setuju).

Analisis kebolehpercayaan semua instrumen telah dijalankan menggunakan kajian rintis ini dan telah diuji melalui SPSS menggunakan Ujian Cronbach Alpha. Gay dan Airisian (2000) menyatakan bahawa item yang mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi akan menunjukkan nilai pekali Cronbach Alpha yang hampir dengan nilai 1.00 Item yang

mempunyai nilai pekali 0.70 ke atas adalah dikira tahap yang boleh diterima (Nunnally, 1978). [Jadual 2](#) menunjukkan indeks kebolehpercayaan instrumen kajian.

Seterusnya, kajian rintis dilaksanakan untuk memastikan kebolehpercayaan instrumen sesuai untuk diadaptasikan ke dalam kajian ini. Merujuk kepada analisis yang dijalankan, setiap dimensi dalam instrumen mencatatkan nilai Cronbach Alpha pada nilai pekali di antara 0.74 hingga 0.86. Nilai Cronbach Alpha yang diperoleh telah melebihi nilai 0.80 di mana setiap item dalam kedua-dua dimensi mempunyai kebolehpercayaan yang boleh diterima dan boleh digunapakai dalam kajian ini.

Jadual 2: Nilai Pekali Cronbach Alpha

| Nilai Pekali Cronbach Alpha | Tahap Kebolehpercayaan | Penentuan      |
|-----------------------------|------------------------|----------------|
| < 0.6                       | Rendah                 | Ditolak        |
| 0.6 – 0.8                   | Sederhana              | Boleh diterima |
| > 0.8                       | Tinggi                 | Baik           |

Sumber: [Mumtaz et al. \(2010\)](#)

Data yang dikumpulkan telah disusun mengikut bahagian dalam soal selidik kerana setiap bahagian terdiri daripada data untuk item yang berbeza. Seterusnya, data tersebut dianalisis menggunakan kaedah statistik deskriptif dan inferensi. Statistik deskriptif diaplikasikan bagi menerangkan dan menjelaskan ciri demografi responden dan statistik deskriptif turut dapat memberikan kesimpulan berkaitan dengan frekuensi, min, dan peratusan daripada data kajian. Bagi mendapatkan penilaian min, interpretasi skor min digunakan bagi menentukan tahap efikasi sendiri guru dan tahap efikasi sendiri guru terhadap pembangunan inovasi. Pembahagian tahap ini dikategorikan kepada tiga iaitu rendah, sederhana dan tinggi, selaras dengan pendekatan pengukuran efikasi sendiri guru yang turut diperakui dalam kajian psikometrik terkini ([Gálvez-Nieto et al., 2023](#)). [Jadual 3](#) memperincikan tafsiran interpretasi skor min.

Jadual 3: Interpretasi Skor Min

| Skor Min    | Intepretasi |
|-------------|-------------|
| 3.51 – 5.00 | Tinggi      |
| 2.50 – 3.50 | Sederhana   |
| 1.00 – 2.49 | Rendah      |

Statistik inferensi digunakan bagi meneliti hubungan antara pemboleh ubah bebas dan pemboleh ubah bersandar serta menafsirkan ciri-ciri sampel yang mewakili populasi secara lebih bermakna. Penggunaan perisian *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) bukan sahaja membolehkan analisis deskriptif dijalankan dengan sistematik, malah turut menyediakan asas yang kukuh untuk menguji hipotesis kajian melalui analisis inferensi. Hubungan di antara efikasi sendiri guru dengan pembangunan inovasi di sekolah rendah dianalisis menggunakan Ujian Kolerasi Spearman.

## 4. Hasil Kajian

### 4.1. Tahap Efikasi Kendiri Guru Sekolah Rendah di Jelebu

[Jadual 4](#) menunjukkan skor min bagi tiga dimensi efikasi sendiri guru sekolah rendah di daerah Jelebu. Dapatan mendapati kesemua dimensi berada pada tahap tinggi. Antara dimensi yang diukur, pengurusan bilik darjah merekodkan skor min tertinggi (min = 3.96, s.p. = 0.495), diikuti strategi instruksional (min = 3.79, s.p. = 0.526) dan penglibatan

murid (min = 3.71, s.p. = 0.501). Seterusnya, [Jadual 4](#) memperlihatkan skor min keseluruhan efikasi sendiri guru iaitu 3.82 (s.p. = 0.938), yang juga berada pada tahap tinggi. Dapatan ini menunjukkan bahawa guru sekolah rendah di daerah Jelevu mempunyai keyakinan yang kukuh dalam melaksanakan pengajaran, khususnya dari aspek pengurusan bilik darjah, strategi instruksional dan penglibatan murid. Walaupun terdapat aspek yang masih boleh dipertingkatkan, tahap efikasi sendiri guru secara keseluruhan adalah memuaskan.

Jadual 4: Tahap Efikasi Kendiri Guru Sekolah Rendah daerah Jelevu

| Efikasi Kendiri         | Min  | Sisihan Piawai | Tahap  |
|-------------------------|------|----------------|--------|
| Penglibatan Murid       | 3.71 | .501           | Tinggi |
| Strategi Instruksional  | 3.79 | .526           | Tinggi |
| Pengurusan Bilik Darjah | 3.96 | .495           | Tinggi |

#### 4.2. Tahap Efikasi Guru Terhadap Pembangunan Inovasi di Sekolah Rendah di Daerah Jelevu

Dalam [Jadual 5](#), skor min tiga pemboleh ubah menunjukkan tahap efikasi sendiri guru sekolah rendah di daerah Jelevu dengan pembangunan inovasi adalah di tahap yang sederhana. Skor min bagi dimensi latihan guru adalah paling tinggi iaitu 3.25 berbanding dimensi pengamalan inovasi dalam PdPc (3.06) dan faktor halangan pelaksanaan inovasi (2.95).

Jadual 5: Tahap Efikasi Kendiri Guru Dengan Pembangunan Inovasi

| Efikasi Kendiri Terhadap Inovasi    | Min  | Sisihan Piawai | Tahap     |
|-------------------------------------|------|----------------|-----------|
| Pengamalan Inovasi dalam PdPc       | 3.06 | .68            | Sederhana |
| Latihan Guru                        | 3.25 | .75            | Sederhana |
| Faktor Halangan Pelaksanaan Inovasi | 2.95 | .61            | Sederhana |

[Jadual 5](#) memperincikan taburan persepsi responden mengenai tahap efikasi sendiri terhadap pembangunan inovasi di sekolah rendah daerah Jelevu mengikut tiga dimensi iaitu pengamalan inovasi dalam PdPc, latihan guru dan faktor halangan pelaksanaan inovasi. Dapatan kajian secara umumnya menunjukkan tahap efikasi sendiri guru terhadap pembangunan inovasi adalah pada tahap sederhana (min = 3.08, s.p. = 0.512). Kekurangan peratusan persetujuan yang ditunjukkan melalui item ini belum mencapai tahap yang tinggi kerana walaupun guru-guru mempunyai efikasi sendiri yang tinggi namun mereka masih belum yakin dan mampu untuk membangunkan inovasi di sekolah rendah melalui PdPc kerana kekangan seperti kekurangan latihan dan pendedahan mengenai inovasi. Dapatan ini turut disokong oleh [Noor Lela et al. \(2020\)](#) yang mencadangkan agar pembuat dasar pendidikan perlu memberi pendedahan dengan menganjurkan sesi latihan dengan berkesan agar guru-guru sedar akan manfaat dan nilai bukan sahaja kepada murid tetapi diri mereka sendiri mengenai sesebuah dasar atau program yang dibina. Pandangan ini turut disokong dengan pendapat [Overbaugh dan Lu \(2008\)](#) yang menyatakan pembangunan profesional guru perlu menyalurkan lebih banyak maklumat dan bengkel serta kursus untuk guru meningkatkan profesion mereka.

### 4.3. Hubungan Antara Efikasi Kendiri Guru dengan Pembangunan Inovasi di Sekolah Rendah di Jelebu

Ujian Kolerasi Pearson digunakan kerana taburan adalah normal. Analisis hubungan kolerasi antara efikasi kendiri guru dan hubungannya dengan pembangunan inovasi di sekolah rendah daerah Jelebu dapat dirujuk di [Jadual 6](#).

Keputusan analisis yang ditunjukkan dalam [Jadual 6](#) mendapati terdapat hubungan positif yang signifikan antara efikasi kendiri guru dan pembangunan inovasi di sekolah rendah daerah Jelebu. Nilai pekali korelasi yang diperolehi ialah  $r = 0.682$  pada aras signifikan  $p < 0.01$ , menunjukkan hubungan yang kuat antara kedua-dua pemboleh ubah. Oleh kerana nilai signifikan adalah lebih kecil daripada 0.01, hipotesis nol ( $H_0$ ) ditolak. Dapatan ini mengesahkan bahawa semakin tinggi tahap efikasi kendiri guru, semakin besar kecenderungan mereka untuk menerima serta melaksanakan inovasi. Justeru, efikasi kendiri guru berperanan penting dalam menyokong usaha pembangunan inovasi di sekolah rendah.

Jadual 6: Korelasi di antara efikasi kendiri guru dan pembangunan inovasi

|                            |                     | Efikasi Kendiri | Pembangunan Inovasi |
|----------------------------|---------------------|-----------------|---------------------|
| <b>Efikasi Kendiri</b>     | Pearson Correlation | 1               | .682**              |
|                            | Sig. (2-tailed)     |                 | .000                |
|                            | N                   | 242             | 242                 |
| <b>Pembangunan Inovasi</b> | Pearson Correlation | .682**          | 1                   |
|                            | Sig. (2-tailed)     | .682**          | 1                   |
|                            | N                   | 242             | 242                 |

Kolerasi Signifikan pada tahap 0.01 (2 Hujung)

## 5. Perbincangan Kajian

Dapatan kajian menunjukkan bahawa dimensi efikasi kendiri guru secara keseluruhan berada pada tahap tinggi, manakala dimensi efikasi kendiri guru berkaitan pembangunan inovasi di sekolah rendah di daerah Jelebu berada pada tahap sederhana. Hal ini menjelaskan bahawa guru mempunyai tahap motivasi dan keupayaan yang tinggi dalam aspek pengajaran dan pembelajaran, khususnya dalam pengurusan bilik darjah (min = 3.96), strategi instruksional (min = 3.79), serta penglibatan murid (min = 3.71). Penemuan ini sejajar dengan penjelasan [Bandura \(1986\)](#) yang menekankan bahawa efikasi kendiri memberi pengaruh signifikan terhadap sesuatu tingkah laku melalui peningkatan kesungguhan dan keyakinan individu. Dapatan ini turut disokong oleh [Henson \(2001\)](#) yang mendapati bahawa efikasi kendiri guru memberi kesan langsung terhadap keberkesanan PdPc, khususnya dalam aspek perubahan tingkah laku murid dan peningkatan prestasi akademik mereka. Keputusan ini dengan jelas menggambarkan bahawa guru di daerah Jelebu memiliki keyakinan dan keupayaan yang tinggi untuk melaksanakan tanggungjawab sebagai pendidik.

Selain itu, kajian ini juga mendapati bahawa efikasi kendiri guru mempunyai hubungan yang signifikan dengan pembangunan inovasi di sekolah. Guru berperanan sebagai pelaksana utama dasar pendidikan dan keadaan ini memerlukan mereka untuk mempunyai kesanggupan, keupayaan serta fleksibiliti bagi memastikan keberhasilan sesuatu inovasi. Dapatan ini selari dengan [Lim dan Poon \(1997\)](#) yang menunjukkan

wujud perkaitan antara efikasi sendiri dengan komitmen serta prestasi kerja. Tanpa kesungguhan dan dedikasi guru, usaha melaksanakan pembangunan inovasi tidak akan dapat direalisasikan sepenuhnya. Guru yang mempunyai tahap efikasi sendiri tinggi cenderung bersifat optimis terhadap perubahan, serta lebih berdaya tahan menghadapi cabaran dan halangan dalam konteks profesion keguruan (Milner & Hoy, 2003).

Walaupun bagaimanapun, walaupun guru menunjukkan sikap positif dan keyakinan terhadap pembangunan inovasi, pelaksanaannya masih berada pada tahap sederhana. Kekurangan latihan yang berterusan dan sokongan sistematik merupakan antara faktor penghalang utama. Dapatan ini disokong oleh kajian Mardhiah dan Rabiatul-Adawiyah (2016), yang menegaskan bahawa meskipun tahap efikasi sendiri guru di Malaysia adalah baik, namun kurangnya penglibatan dalam program pembangunan profesionalisme keguruan serta kelemahan sokongan daripada pihak pengurusan menyebabkan nilai efikasi yang dimiliki tidak dapat dimanfaatkan secara optimum untuk meningkatkan prestasi murid.

Oleh itu, untuk merealisasikan dasar pendidikan negara serta memenuhi hasrat kerajaan dalam memperkukuh sistem pendidikan, guru perlu mengekalkan tahap efikasi sendiri yang tinggi. Hal ini penting bagi memastikan pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan lebih berkesan serta dapat menyumbang kepada kecemerlangan komuniti pendidikan secara menyeluruh.

## 6. Kesimpulan

Secara keseluruhannya, hasil kajian menunjukkan efikasi sendiri guru mempunyai hubungan yang signifikan dengan pembangunan inovasi di sekolah rendah di daerah Jelebu. Dari aspek efikasi sendiri guru terhadap pembangunan inovasi di sekolah, guru perlu diberi sokongan dan motivasi dalam meningkatkan kemampuan dan keyakinan mereka untuk melaksanakan dan mengamalkan inovasi di dalam PdPc mereka. Jika aspek ini dapat diperkasa maka ia akan membantu membudayakan amalan inovasi bukan sahaja pada guru dan murid tetapi kepada seluruh komuniti pendidikan.

Di samping itu, guru juga boleh mengambil inisiatif untuk meningkatkan efikasi sendiri masing-masing dengan menghadiri program peningkatan kompetensi inovasi sekiranya ditawarkan oleh pihak berwajib dari masa ke masa kerana efikasi sendiri yang tinggi mampu melahirkan guru yang komited, bermotivasi tinggi dan bersikap optimis terhadap apa sahaja perubahan di dalam bidang kerjayanya (Darling Hammond, 2009). Dapatan kajian ini turut memberi implikasi tertentu kepada pihak berkepentingan seperti pihak sekolah, PPD, JPN dan KPM memperoleh maklumat yang relevan untuk dibincangkan demi penambahbaikan di dalam bidang pendidikan.

## **Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)**

Penyelidikan ini telah dijalankan dengan mematuhi garis panduan etika yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Etika Penyelidikan Universiti Kebangsaan Malaysia (RECUKM). Semua prosedur yang melibatkan peserta kajian dilaksanakan mengikut piawaian etika penyelidikan institusi, dan persetujuan bertulis telah diperolehi daripada setiap peserta sebelum penglibatan mereka.

### **Penghargaan (*Acknowledgement*)**

Setinggi-tinggi penghargaan kepada semua responden yang terlibat. Kerjasama dan komitmen yang telah membantu menjayakan kajian ini amat dihargai.

### **Kewangan (*Funding*)**

Kajian ini tidak menerima sebarang bentuk pembiayaan. Segala kos ditanggung sepenuhnya oleh penyelidik.

### **Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)**

Penulis melaporkan bahawa tiada sebarang konflik kepentingan yang wujud dalam proses penyelidikan dan penerbitan artikel ini.

### **Rujukan**

- Abdul Said Ambotang, & Andin, C. (2020). Sumbangan Pengetahuan Kandungan, Daya Kreativiti dan Inovatif Terhadap Efikasi Kendiri Guru Dalam Pengajaran Ekonomi di Sabah. *Jurnal Kinabalu*, 26(1), 155-155.
- Ainul Afzan, R., & Ishak A.R. (2021). Isu Dan Cabaran Dalam Pelaksanaan Pendidikan Peringkat Rendah Dan Menengah: Pendekatan Malaysia Semasa Pandemik Covid-19. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(9), 1-13.
- Antala, B., Pružek, M., & Popluhárová, M. (2022). Self-efficacy and attitudes of physical education teachers towards inclusion of pupils with disabilities. *Sustainability*, 14(20), 13292.
- Aswaniza, S. & Rosadah, A. M. (2018). Efikasi Kendiri Guru Sekolah Dalam Hospital Di Malaysia. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 13(3), 20–28.
- Bandura, A. (1977). Self-efficacy: Toward a unifying theory of behavioral change. *Psychological Review*, 84(2), 191–215. <https://doi.org/10.1037/0033-295X.84.2.191>
- Bandura, A. (1986). *Social foundations of thought and action: A social cognitive theory*. Prentice Hall.
- Bandura, A., (2001). Self-Efficacy Beliefs As Shapers Of Children's Aspirations And Career Trajectories. *Child development*, 72(1), 187-206.
- Brandt, W. C. (2023). *A review of the literature on creative thinking*. ERIC. <https://files.eric.ed.gov/fulltext/ED645078.pdf>
- Bruun, J., & Evans, R. H. (2020). Network Analysis Of Survey Data To Identify Non-Homogeneous Teacher Self-Efficacy Development In Using Formative Assessment Strategies. *Education Sciences*, 10(3), 54.
- Cocca, M., & Cocca, A. (2021). Testing a four-factor model for the Teachers' Sense of Efficacy Scale: An updated perspective on teachers' perceived classroom efficacy. *Psicología Educativa*, 28(1), 39 – 46.
- Darling-Hammond, L. (2009). Recognizing and enhancing teacher effectiveness. *The International Journal of Educational and Psychological Assessment*, 3, 1-24.
- Dees, J. G. (1998). *The Meaning of Social Entrepreneurship*. Stanford University.
- Ellis, V., Steadman, S., & Mao, Q. (2020). 'Come To A Screeching Halt': Can Change In Teacher Education During The COVID-19 Pandemic Be Seen As Innovation?. *European Journal of Teacher Education*, 43(4), 559-572.

- Fidalgo-Blanco, Á., Sein-Echaluce, M. L., & García-Peñalvo, F. J. (2014). Knowledge Spirals in Higher Education Teaching Innovation. *International Journal of Knowledge Management*, 10(4), 16–37.
- Gálvez-Nieto, J. L., Salvo-Garrido, S., Domínguez-Lara, S., Polanco-Levicán, K., & Mieres-Chacaltana, M. (2023). Psychometric properties of the Teachers' Sense of Efficacy Scale in a sample of Chilean public school teachers. *Frontiers in Psychology*, 14, 1272548. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2023.1272548>
- Gay, L. R., & Airasian, P. (2000). *Educational research: Competencies for analysis and application (6th ed.)*. Merrill/Prentice Hall.
- Ghazali, D., & Sufean, H. (2016). *Metodologi Penyelidikan Dalam Pendidikan: Amalan dan Analisis Kajian (2nd ed.)*. Penerbit Universiti Malaya.
- Gkontelos, A., Vaiopoulou, J., & Stamovlasis, D. (2023). Teachers' innovative work behavior as a function of self-efficacy, burnout, and irrational beliefs: A structural equation model. *European Journal of Investigation in Health, Psychology and Education*, 13, 403–418.
- Hatlevik, I. K. R., & Hatlevik, O. E. (2018). Examining the relationship between teachers' ICT self-efficacy for educational purposes, collegial collaboration, lack of facilitation and the use of ICT in teaching practice. *Frontiers in Psychology*, 9, 1-8.
- Henson, R. K. (2001). The Effects of Participation in Teacher Research on Teacher Efficacy. *Teaching and Teacher Education*, 17, 819–836.
- Hoang, T., & Wyatt, M. (2021). Exploring the self-efficacy beliefs of Vietnamese pre-service teachers of English as a foreign language. *System*, 96, Article 102422.
- Johnson, B., & Christensen, L. (2000). *Educational research: Quantitative, qualitative, and mixed approaches*. Allyn & Bacon.
- Julaihi, N. H., Voon, L. L., & Tang, H. E. (2020). Teachers' efficacy beliefs in mathematics teaching: A study of public primary schools in Sarawak. *International Journal of Service Management and Sustainability*, 5(1), 63–82.
- Kim, Y., & Choi, J. N. (2022). How to translate creative ideas into innovation? Differential resources for proactive and responsive team idea generation. *Journal of Applied Behavioral Science*, 58(1), 36–63. <https://doi.org/10.1177/00218863211007219>
- Krejcie, R., & Morgan, D. (1970). Determining Sample Size for Research Activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30, 607-610.
- Liang, F. S., & Tai, M. K. (2021). Efikasi sendiri guru di Sekolah Menengah Kebangsaan di Semenanjung Malaysia. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 6(40), 160-167
- Lim, B., & Poon, J. M. L. (1997). Effects of task difficulty and self-efficacy on performance: A cross-cultural study of managers in Singapore. *Journal of Managerial Psychology*, 12(2), 134–139.
- Makki, B. I., Salleh, R., & Harun, H. (2016). The impact of self-efficacy on job performance: An empirical study of software developers in Malaysia. *Journal of Economics, Business and Management*, 4(1), 38–43.
- Mardhiah, J., & Rabiatal-Adawiyah, A. R. (2016, July). *Hubungan kualiti penyeliaan pengajaran dengan efikasi sendiri guru (Working Paper)*. Universiti Sains Malaysia.
- Mardzelah, M., Teoh, Y. P. & Nor Hasimah, I. (2022). Standard Guru Malaysia 2.0 Dalam Kemenjadian Jiwa Pendidik. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 7(46), 327-346.
- Masitah, M. Y., Azizi, M., Ahmad Makmom, A., Bahaman, A. S., Ramli, B. & Noriati, A. R. (2013). Faktor-faktor yang mempengaruhi efikasi sendiri guru sekolah menengah di Malaysia dalam pelaksanaan pendidikan alamsekitar. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, 28, 131–153.

- Milner, H. R., & Hoy, A. W. (2003). A case study of an African American teacher's self-efficacy, stereotype threat, and persistence. *Teaching and Teacher Education*, 19(2), 263–276.
- Mohamad Ridhuan, M. D., Mohd Fairuz, A., & Mohd Zulfikri, A. R. (2017). An innovation in teaching and learning of accounting concept using AccRoBa© game approach. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 42(1), 21–32.
- Mohammed, A. Z. & Mohd, E. @ Ewan M. M.. (2021). The Influence Of Teachers' Self-Efficacy And School Leaders' Transformational Leadership Practices On Teachers' Innovative Behaviour. *International Journal of Environmental Research and Public Health*, 18(12), 6423.
- Mumtaz, B. et al. (2010). Pembinaan instrumen maklum balas 360 MARA. *Jurnal Pendidikan dan Latihan*, 2(2), 46–61
- Noor Lela Ahmad, Mohd Faiz Mohd Yaakob, & Mohd Effendi @ Ewan Mohd Matore. (2020). Cabaran pelaksanaan pentaksiran bilik darjah dalam kalangan guru sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Malaysia (Malaysian Journal of Education)*, 45(2), 57–67.
- Nunnally, J.C. (1978). *Psychometric theory*. California: McGraw-Hill.
- Nurahimah, M. Y., & Rafisah, O. (2010). Hubungan kualiti penyeliaan pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah dengan efikasi guru. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, 25, 53–71.
- Nursafra, M. Z. (2017). Elemen pemikiran kritis dalam konteks kemahiran berfikir aras tinggi. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 1(September), 92–101.
- Organisation for Economic Co-operation and Development. (2018). *OECD science, technology and innovation outlook 2018*. OECD Publishing. [https://doi.org/10.1787/sti\\_in\\_outlook-2018-en](https://doi.org/10.1787/sti_in_outlook-2018-en)
- Overbaugh, R., & Lu, R. (2008). The impact of a NCLB-EETT funded professional development program on teacher self- efficacy and resultant implementation. *Journal of Research on Technology in Education*, 41(1), 43-61
- Riaz, S., Xu, Y., & Hussain, S. (2018). Understanding employee innovative behavior and thriving at work: A Chinese perspective. *Administrative Sciences*, 8(3), 46.
- Stéphan, V. L., Joaquin, U., Soumyajit, K., & Gwénaél, J. (2019). *Educational Research and Innovation Measuring Innovation in Education 2019 What Has Changed in the Classroom?: What Has Changed in the Classroom?*. OECD Publishing.
- Subramaniam, A. (2022). The Relationship between Job Satisfaction and Commitment among National School Teachers in South Kinta District, Perak. *Management Research Journal*, 11(2), 1-13.
- Talsma, K., Schüz, B., Schwarzer, R., & Norris, K. (2018). I Believe, Therefore I Achieve (And Vice Versa): A Meta-Analytic Cross-Lagged Panel Analysis Of Self-Efficacy And Academic Performance. *Learning and Individual Differences*, 61, 136-150.
- Tschannen-Moran, M., & Hoy, A. W. (2001). Teacher Efficacy: Capturing An Elusive Construct. *Teaching and Teacher Education*, 17(7), 783–805. [https://doi.org/10.1016/S0742-051X\(01\)00036-1](https://doi.org/10.1016/S0742-051X(01)00036-1)
- Utterback, J. M., & Abernathy, W. J. (1975). *A Dynamic Model of Process and Product Innovation*. *Omega*, 3(6), 639–656.
- Van de Velde, C. (2017). *Educational Innovation And Organizational Change: A Practice-Based Approach*. Routledge.
- Wan Ali Akhbar, Khadijah Abdul Razak & Mohd Isa Hamzah. (2022). Innovation Material For Islamic Teaching Education And Its Relationship To Basic Concepts Of Education. *Journal of Positive School Psychology*, 1536-1547.
- Wiegerová, A., Svatoš, T., Pavelková, I., Mareš, J., Hrabal, V., Ficová, L., & Gavora, P. (2012). *Self-efficacy v edukačných súvislostiach*. SPN–Mladé letá.

- Wood, R., & Bandura, A. (1989). Social Cognitive Theory Of Organizational Management. *Academy of Management Review*, 14(3), 361-384.
- Zhao, Y., & Watterston, J. (2021). The changes we need: Education post COVID-19. *Journal of Educational Change*, 22(1), 3-12. <https://doi.org/10.1007/s10833-021-09417-3>